

# Buku nadir menjadi warisan

um- 26/2/2007.

Oleh ZAWIYAH BABA

**PENERBITAN** Katalog Buku Nadir dan Koleksi Peribadi oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) (2006) memang telah lama ditunggu oleh pencinta dan pengkaji buku lama terutamanya buku Malaysiana lama.

Buku nadir adalah buku-buku yang sukar diperolehi kerana telah lama diterbitkan, habis cetak dan tiada lagi dalam pasaran. Buku-buku lama mengenai Malaya, Sabah dan Sarawak biasanya diterbitkan dalam bahasa Inggeris di luar negara.

Selain kedai buku antiquarian (buku antik), buku-buku nadir Malaysiana diperolehi dari syarikat lelongan, perpustakaan atau koleksi peribadi. Katalog berukuran empat segi 20 x 20cm dengan memuatkan 200 halaman ini agak kecil.

Namun saiz ini memadai oleh kerana katalog ini hanya memuatkan lebih kurang 100 judul-judul terpilih daripada bahan nadir dan koleksi peribadi yang dipamerkan sempena seminar mengenai bahan tersebut di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur pada tahun 2006.

Kali terakhir bibliografi atau katalog khas yang merangkumi bahan nadir diterbitkan oleh PNM ialah 25 tahun dahulu iaitu pada September 1982 sempena Minggu Perpustakaan Negara.

Bibliografi anotasi itu mengandungi hanya 50 judul terpilih daripada jumlah lebih kurang 1000 judul nadir Malaysiana dalam koleksi PNM ketika itu.

Entri dalam bibliografi ini disusun mengikut subjek yang merangkumi agama, sains kemasyarakatan, bahasa, sains jati, teknologi, kesenian, kesusasteraan dan ilmu alam serta sejarah am.

Hampir kesemua judul dalam bibliografi ini ditulis oleh penulis Barat dalam bahasa Inggeris. kecuali dua judul buku iaitu *Sejarah Melayu* dengan prakata oleh Shellabear dan *Kisah Pelayaran Abdullah* oleh Abdullah Bin Abdul Kadir Munshi.

Anotasi yang agak terperinci disediakan juga mengikut bahasa buku berkenaan. Bibliografi ini disediakan Indeks Pengarang/Judul untuk rujukan lansung kepada

## Buku yang tertua dalam katalog ini berjudul *A voyage to and from the island of Borneo* oleh Daniel Beeckham yang diterbitkan pada tahun 1718

bahan yang dicari.

Mengikut sejarah PNM, koleksi Nadir Malaysiana ini mula terbina pada tahun 1970-an melalui koleksi yang dihadiahkan oleh mendiang Puan Dorothy Nixon, seorang wanita Inggeris yang pernah berkhidmat sebagai pustakawan, Kuala Lumpur Book Club.

Perpustakaan lain yang turut menyumbang ialah Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, Henry Gurney Memorial Library dan Perpustakaan Perbadanan Johor Bahru. Belum ada dasar mengenai pendokumentasian dan pemeliharaan bahan ini ketika itu dan PNM telah berusaha menggubal dasar bagi pengendalian bahan-bahan cetakan lama dan nadir.

Koleksi Dorothy Nixon yang dihadiahkan kepada PNM telah diperkayakan dengan membawa pulang sejumlah 1,652 naskah dari koleksi Kedutaan Malaysia di London pada tahun 1982 atas inisiatif Ketua Pengarah Perpustakaan Negara pada masa itu, Datuk Hashim Sam Abdul Latiff.

Kebanyakan bahan ini adalah nadir Malaysiana.

Katalog ini terbahagi kepada dua bahagian, bahagian nadir dan bahagian koleksi peribadi katalog koleksi nadir memaparkan 103 buku nadir yang dipilih dari koleksi PNM.

Setiap entri disediakan butir-butir bibliografi lengkap, nombor pengkelasan, anotasi ringkas serta dihiasi petikan gambar-gambar dari buku berkenaan. Semua anotasi disediakan dalam bahasa Melayu walaupun teks asal dalam bahasa Inggeris.

Sebilangan besar judul yang termasuk dalam katalog ini ditulis oleh penulis barat yang sering menulis mengenai Malaya atau orang Melayu. Mereka termasuklah Hugh Clifford, A.W. Hamilton, Hugh Low, William Marsden, Walter William Skeat, Frank Swettenham, dan Richard Olof

Winstead.

Kebanyakan buku-buku bahasa Melayu dalam katalog ini adalah mengenai hikayat dan kitab agama yang tidak dinyatakan penulisnya.

Buku yang tertua dalam katalog ini berjudul *A voyage to and from the island of Borneo* oleh Daniel Beeckham yang diterbitkan pada tahun 1718. Buku ini menceritakan kisah perjalanan dan pengembaraan yang begitu mencabar dan menarik yang ditempuhi penulis dalam menjelajah pulau Borneo.

Penulis amat kagum dengan keindahan pulau itu. Penulisan dan penerbitan buku ini telah dapat menyumbang kepada pengisian maklumat yang amat kurang mengenai pengembaraan pulau Borneo.

### Adat

Lebih menarik buku ini turut menceritakan adat resam penduduk tempatan semasa penjajahan Inggeris dengan gambar-gambar lukisan yang amat menarik.

Koleksi peribadi merujuk kepada koleksi yang dimiliki oleh seseorang tokoh atau individu, yang mempunyai nilai tertentu. Koleksi tersebut terdiri daripada hasil karya individu berkenaan atau koleksi simpanan peribadi mereka yang merangkumi pelbagai bidang perkara.

Koleksi ini merupakan sumber maklumat penting bagi penyelidik yang mengkaji tokoh tersebut atau bidang perkara yang mereka minati. Sehingga kini, Perpustakaan Negara telah memperolehi lebih 10 koleksi peribadi daripada tokoh tempatan dan luar negara. Koleksi daripada 10 orang tokoh diwakili dalam katalog ini.

Mereka adalah Abdul Rahman Al-Ahmadi, John Bastin, Che Ismail Che Daud, Ishak Haji Muhammad, Aziz Jahpin, Abdul Halim Nasir, Encik Thavamani, Abdul

Karim Abdullah, Mohd. Idris Kamaruddin, Naharuddin Haji Ali.

Koleksi tokoh-tokoh di atas merangkumi pelbagai bidang perkara termasuk kesusasteraan, sejarah, penulisan, seni bina, agama dan kebudayaan. Katalog ini memuatkan biodata setiap tokoh dan bidang perkara yang dirangkumi koleksi mereka.

Keistimewaan koleksi Abdul Rahman Al-Ahmadi contohnya tertumpu kepada pengumpulan karya-karya ulama Kelantan seperti Haji Umar Nuruddin, Sheikh Haji Wan Ali dan Haji Ahmad Mahir. Kekuatan koleksi John Bastin pula adalah dalam bidang sejarah termasuk pentadbiran kerajaan, politik, kisah pengembaraan, etnogeografi dan alam semula jadi Tanah Melayu pada abad ke-19 dan ke-20.

Koleksi Cina peranakan dalam bahasa Melayu adalah keunikan koleksi peribadi Encik Thavamani yang berasal dari Melaka.

Satu pemerhatian yang boleh dibuat ialah amat sedikit maklumat yang terdapat mengenai Dorothy Nixon yang telah menghadiahkan koleksi peribadi beliau kepada Perpustakaan Negara pada awal tahun 70-an.

Koleksi ini diakui telah menjadi asas koleksi nadir Perpustakaan Negara sebagai sebuah jabatan baru yang ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara 1972. Daftar buku koleksi peribadi beliau menyenaraikan lebih daripada 500 judul buku, termasuk buku-buku Malaysiana.

Sebenarnya, Dorothy Nixon layak diiktiraf sebagai salah seorang tokoh koleksi peribadi PNM.

DATUK ZAWIYAH BABA yang merupakan bekas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara kini ialah Felo Penyelidik Utama, Institut Tamadun dan Alam Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).